

Penerimaan Masyarakat Terhadap Kursus Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Bentong 2016-2017

BITARA
Volume 1, Issue 2, 2018: 77-87
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Acceptance of Society towards Lifelong Courses at Bentong Community College 2016-2017]

Hanif Md Lateh @ Junid,¹ Mohd Fazli Khaisunizam Ismail²
& Siti Shuhaili Mohamad Moha²

Abstrak

Penubuhan Kolej Komuniti di Malaysia pada asalnya bertujuan untuk memperkasakan pendidikan berbentuk TVET di Malaysia. Di samping itu, matlamat penduanya adalah pelaksanaan kursus sepanjang hayat untuk komuniti setempat dan golongan sasaran. Keadaan ini sejajar dengan peningkatan dan permintaan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Kajian bermatlamat meneliti dan menganalisis penerimaan serta penglibatan komuniti dalam kursus PSH di Kolej Komuniti Bentong. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Data kajian diperolehi melalui fail sumber primer dalam rekod kursus PSH Kolej Komuniti Bentong. Data ini ditambah baik dari sumber sekunder berbentuk dapatan khidmat pelanggan dan laporan berkaitan dengan PSH di samping pemerhatian pengkaji ke atas peserta kursus. Kajian mendapati, penerimaan dan penglibatan komuniti dalam kursus berkaitan PSH meningkat serta relevan dikekalkan. Bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara dalam data penglibatan peserta PSH berasaskan kaum di Kolej Komuniti Bentong. Kajian mengusulkan supaya kajian tinjauan dilakukan terus pada komuniti untuk meneliti persepsi terhadap kewujudan kolej komuniti terutama dari kalangan kaum Cina dan India. Usulan ini akan membawa pada dapatan faktor dan kaedah mempertingkatkan penyampaian kursus PSH terhadap kaum Cina dan India.

Kata Kunci

Kolej Komuniti Bentong, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Komuniti, Bentong, Pahang.

Abstract

The initial goal of the establishment of a Community College in Malaysia is to empower TVET education in Malaysia. Besides, the secondary goal is to incorporate lifelong learning for local populations and target groups. This is in line with the growing demand for Lifelong Learning (PSH) courses. The aim of the study is to examine and analyze the acceptance and engagement of the community in PSH courses at Bentong Community College. This research is a qualitative study in the form of content analysis. The study data was obtained through primary source files in the Bentong Community College PSH course record. Such results have been strengthened from secondary sources in the form of customer service outcomes and PSH-related studies, in addition to the study observations of the participants. Research has

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

HANIF MD LATEH @ JUNID, Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
E-mail: hanif@unisza.edu.my

found that community acceptance and participation in PSH-related courses is growing and relevant. However, there are significant differences in participation data for PSH-based participants in Bentong Community College. The study recommends that a survey be conducted directly on the community to examine the perception of community colleges, especially among Chinese and Indians. This proposal will lead to the discovery of factors and methods of improving the delivery of PSH courses to the Chinese and Indians communities.

Keywords

Bentong Community College, Lifelong Learning, Community, Bentong, Pahang.

Cite This Article:

Hanif Md Lateh @ Junid, Mohd Fazli Khaisunizam Ismail & Siti Shuhaili Mohamad Moha. 2018. Penerimaan masyarakat terhadap kursus sepanjang hayat di Kolej Komuniti Bentong 2016-2017. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 77-87.

Pengenalan

Kolej Komuniti dalam rekod sejarah negara pernah digesa penubuhannya melalui Parlimen Malaysia semenjak 1989. Gesaan ini dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ong Tee Kiat dalam parlimen dengan menyasarkan pihak swasta sebagai peneraju kolej ini (DR.01111989). Gesaan ini dibuat untuk memperkasa pendidikan berbentuk kemahiran dalam negara di samping membesarakan peluang pengajian serta mengurangkan pengaliran wang keluar negeri (DR.13111989). Sebutan mengenai pembukaan kolej komuniti direalisasikan melalui belanjawan kerajaan tahun 2000 dan dibincangkan dalam bulan November 2010. Hingga kini, kolej komuniti telah mencapai umur sedekad semenjak ditubuhkan pada tahun 2001 (Razzian et al 2017). Antara reaksi positif atas cadangan belanjawan oleh Menteri Kewangan dibuat oleh Ahli Parlimen Rompin dengan menyatakan: ...usaha dan cadangan yang amat baik sekali. Sebab sekarang ini bila mereka belajar kos untuk pengajian tinggi, kolej atau universiti, kos yang paling besar atau separuh daripada kos untuk sara hidup mereka... (DR.02111999). Kenyataan ahli parlimen menunjukkan sokongan terhadap penubuhan kolej. Pendasan terhadap khidmat di kawasan komuniti merupakan satu dari matlamat kolej. Hal ini seterusnya direalisasikan dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Kenyataan ini menyifatkan kolej komuniti perlu berada dengan masyarakat dengan tidak memberi implikasi kewangan yang besar terhadap mereka. Selain itu, Ahli Parlimen Balik Pulau Dr. Nungsari Ahmad Radhi turut sama menyokong penubuhan kolej komuniti dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Kenyataan beliau direkod:

Suri rumah misalnya tidak ada salah umur 40 tahun, 50 tahun pun kalau hendak pergi ke kolej komuniti ini untuk memperbaiki kemahiran-kemahiran tertentu yang ada pada diri mereka. Ataupun mereka yang sudah bekerja boleh mendapat kemahiran-kemahiran yang tertentu. Mereka yang berniaga boleh mendapat kemahiran-kemahiran yang tertentu kalau semua program ini ada dibekalkan di dalam kolej-kolej komuniti yang saya sebutkan tadi. Apa salahnya orang yang berumur 50 tahun pergi ke kolej komuniti untuk belajar kursus fotografi walaupun ia tidak mempunyai tujuan untuk membentuk karier dalam bidang itu tetapi sebagai memperkayakan dirinya

sendiri. Apa salahnya se orang ibu pergi ke satu kolej komuniti dia sudah berumur 50 tahun tetapi dia hendak belajar mungkin tentang psikologi kanak-kanak atau dia hendak belajar tentang kemahiran-kemahiran yang tertentu bukan untuk tujuan komersial, bukan untuk tujuan hendak cari pekerjaan yang lain tetapi untuk memperkayakan dirinya untuk dia mencapai potensi dirinya sebagai seorang manusia. Apa salahnya kalau kita hendak pergi belajar kalau sudah pencegah 55 tahun pergi belajar untuk cari satu *second career* misalnya (DR.03111999).

Selain itu, Dato' Mohd Sarit Yusoh (Ahli Parlimen Temerloh) turut senada menyokong usaha penubuhan kolej komuniti pasca penubuhannya dengan menyatakan: "Saya kira kalau Singapura boleh berbangga dengan keupayaan guna tenaganya yang efisien, fleksibel dan berkelayakan, kualiti yang boleh menjamin pelaburan di pulau Singapura, Malaysia juga saya kira mestilah merancang guna tenaga yang sedemikian rupa supaya pelaburan di luar negara akan terjamin.. (DR.03042001). Kenyataan mendukung penghasilan tenaga kerja yang berkemahiran. Hal ini boleh dilahirkan di kolej komuniti menggunakan pendekatan kursus sepenuh masa. Manakala, pendekatan pembelajaran sepanjang hayat pula untuk *upskilling* dan *reskilling* tenaga kerja. Berdasarkan petikan perbahasan berkenaan kolej komuniti seperti di atas, dapatlah disimpulkan bahawa dukungan penubuhan kolej komuniti ada bertujuan untuk komuniti. Komuniti sasaran bukan sahaja untuk memberi peluang kedua pada belia, tetapi juga sebagai medan pembelajaran sepanjang hayat. Berdasarkan memorandum No 398/2225/00 yang dikemukakan Menteri Pendidikan pada tahun 2000, penubuhan kolej komuniti telah berjaya direalisasikan dengan penubuhan 12 kolej pada tahun 2001. Sehingga tahun 2014, jumlah kolej komuniti adalah sebanyak 91 buah (Amir Md Noor 2014).

Penyataan Masalah

Visi kolej komuniti dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat (PSH) adalah untuk hab menjelang tahun 2025. Selanjutnya, misi kolej komuniti adalah untuk membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih melalui PSH. Berdasarkan misi dan visi tersebut, kolej komuniti dalam Malaysia secara keseluruhan telah menerima 1.3 juta penyertaan sehingga tahun 2013. Angka tersebut meningkat tahun demi tahun sesuai dengan pertambahan bilangan kolej komuniti di seluruh Malaysia. Selain itu, warga emas turut terlibat dengan pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti dengan jumlah penyertaan seramai 8,751 orang pada tahun 2013. Sehingga 2013 juga, sebanyak 13,172 jenis kursus ditawarkan dengan penglibatan 277,083 peserta (Amir Md Noor 2014). Selain itu, angka terkini dalam tahun 2018 menunjukkan seramai lebih 250,000 peserta mengikuti program atau kursus berbentuk PSH di politeknik dan kolej komuniti di Malaysia (Mohd Ismail Abd Aziz 2018).

Kesemua angka-angka ini menunjukkan penerimaan dan keselarian visi serta misi kolej komuniti. Bagaimanapun, di peringkat kolej komuniti Bentong, tiada persembahan data seperti di atas bagi menunjukkan penerimaan komuniti di samping pencapaian visi dan misi penubuhan. Keperluan kajian tentang penyertaan masyarakat dalam kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti disokong menerusi kajian Mohd Faizullah, Badaruddin & Norlida (2014). Kajian ini menyarankan supaya penyertaan masyarakat dalam kursus pembelajaran sepanjang hayat terus digalakkan. Oleh itu, kajian ini akan memberi penumpuan

terhadap perkembangan kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti Bentong 2016-2017. Di samping itu, kajian ini akan turut meneliti penerimaan masyarakat di Kolej Komuniti Bentong berdasarkan demografi penduduk dalam daerah tersebut. Selanjutnya, kajian ini akan menyoroti penerimaan masyarakat dari sudut penyertaan kursus PSH di Kolej Komuniti Bentong dengan mengimbalkan pada komposisi penduduk.


Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk pemerolehan data. Kaedah pertama menerusi data bersumber primer yang berbentuk fail laporan kursus sepanjang hayat yang disediakan di bawah Timbalan Pengarah Akademik, Kolej Komuniti Bentong. Data tersebut berbentuk rekod peserta dari segi penjumlahan, demografi dan jenis kursus. Seterusnya data turut diperoleh menerusi muatan atas talian kolej komuniti seluruh Malaysia berkenaan penglibatan dan pencapaian penganjuran kursus sepanjang hayat. Selain itu, pemerhatian turut digunakan untuk mengesahkan data-data yang terdapat dalam sumber primer tersebut.

Penganalisisan data menggunakan tatacara deskriptif dan deduktif. Data sumber primer yang dikumpulkan dan dilaporkan secara deskriptif. Selanjutnya, data dibahagikan pada pemeringkatan kajian iaitu demografi dengan tumpuan pada kaum dan penglibatan kaum menurut jenis kursus yang dihadiri. Pemeringkatan ini diasangkan bagi melihat penglibatan kaum dan menggunakan tatacara deduktif.

Analisis dan Dapatan


Populasi penduduk menurut bancian perumahan pada tahun 2010 menunjukkan jumlah penduduk di Bentong adalah sebanyak 112,678 orang. Jumlah ini mewakili sebanyak 7.80% penduduk di seluruh negeri Pahang. Kadar pertumbuhan penduduk tahun dari tahun 2000 sehingga 2010 berkembang sebanyak 1.53%. Berdasarkan rekod fail kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), dapatan perkembangan jumlah peserta terlibat adalah seperti berikut:



Rajah 1 Jumlah Peserta PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017

Sumber: Fail PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017


Rajah di atas menunjukkan perbezaan jumlah peserta kursus PSH di Kolej Komuniti Bentong bertambah sebanyak 359 peserta pada tahun 2017 berbanding 2016. Bagaimanapun, perbandingan unjuran jumlah peserta dan komposisi penduduk di Daerah Bentong berdasarkan rekod 2010 adalah sebanyak 3.0%. Perincian latar belakang peserta pula bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:



Rajah 2 Peserta PSH berdasarkan Jantina dan Kaum 2016

Sumber: Fail PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017


Berdasarkan rajah 2, dapat dikenal pasti penglibatan yang tinggi dari kaum Melayu. Kaum ini mewakili keseluruhan sebanyak 94.8% daripada jumlah peserta. Sementara itu, penglibatan lelaki dari kaum Melayu pada tahun 2016 mewakili 48% daripada jumlah peserta. Penyertaan kaum Cina adalah terendah berbanding kaum lain dengan penglibatan sebanyak 1.1%, manakala India diwakili 2.8% dan 1.3% daripada lain-lain kaum. Konsistensi penglibatan secara ketara melalui kaum dapat juga dilihat pada tahun 2017. Jadual berikut melakarkan peserta PSH berdasarkan jantina dan kaum pada tahun 2017.



Jadual 3 Peserta PSH berdasarkan Jantina dan Kaum 2017

Sumber: Fail PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017

Melalui rajah di atas, penglibatan peserta berdasarkan kaum masih didahului kaum Melayu sebanyak 94.7% berbanding Cina 1.5%, India 2.0% dan lain-lain 1.8%. Berikut adalah rajah komparatif peserta PSH berdasarkan kaum di Kolej Komuniti Bentong:



Rajah 4 Komparatif Penyertaan Peserta PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017

Sumber: Fail PSH Kolej Komuniti Bentong 2016-2017

Rajah 4 menunjukkan perbezaan ketara antara penglibatan antara kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Perbezaan ketara ini dipengaruhi banyak faktor. Melalui pemerhatian pengkaji ke atas peserta dan data fail menunjukkan satu daripada faktor pemangkin penglibatan kaum Cina dan India dalam kursus PSH adalah disebabkan taburan kluster kursus PSH yang ditawarkan. Berikut jadual taburan kluster penawaran:

Jadual 1 Kluster Penawaran Kursus PSH 2016

Bil	Kluster	Jumlah	
		Kursus	Peserta
1	Bangunan	3	703
2	Elektrik dan Elektronik	2	228
3	Grafik dan Multimedia	1	22
4	Jahitan dan Pakaian	3	99
5	Katering dan Sajian	8	561
6	Kecantikan dan Dandanan	2	94
7	Kerohanian dan Keagamaan	2	100
8	Kesenian dan Kebudayaan	1	31
9	Komputer dan Teknologi Maklumat	4	854
10	Pembangunan Diri / Motivasi	5	408
11	Perniagaan dan Keusahawanan	2	59
12	Sains Kesihatan	2	52
13	Seni Kreatif	2	94
14	Teknologi Agro	1	33
Jumlah Keseluruhan		38	3338

Jadual 2 Kluster Penawaran Kursus PSH 2017

Bil	Kluster	Jumlah	
		Kursus	Peserta
1	Bangunan	1	165
2	Elektrik dan Elektronik	3	285
3	Grafik dan Multimedia	3	109
4	Jahitan dan Pakaian	5	95
5	Katering dan Sajian	10	982
6	Kecantikan dan Dandanan	1	95
7	Kerohanian dan Keagamaan	1	180
8	Kesenian dan Kebudayaan	1	50
9	Komputer dan Teknologi Maklumat	5	438
10	Pembangunan Diri / Motivasi	3	465
11	Perniagaan dan Keusahawanan	3	271
12	Program Industri	1	34
13	Sains Kesihatan	2	54
14	Seni Kreatif	2	474
Jumlah Keseluruhan		41	3697

Melalui data dalam jadual 1 dan 2, terdapat dua kluster yang menjadi penanda aras penerimaan pihak komuniti iaitu di bawah sub katering-sajian serta komputer – teknologi maklumat. Penerimaan ini sejajar dengan jumlah kekerapan penawaran kursus di bawah kluster tersebut dalam tempoh setahun. Selain itu, berdasarkan ekstrak fail peserta PSH Kolej Komuniti Bentong secara bulanan pula menunjukkan penglibatan kaum Cina dan India adalah seperti berikut:

Jadual 3 Senarai Kursus PSH Melibatkan Kaum Cina dan India 2016

Bil	Nama Kursus
1	Keterampilan Diri Dalam Berpakaian
2	Motivasi Diri & Pengurusan Masa
3	Pengurusan Jenazah
4	E-Registry Program Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)
5	Penghasilan Mee Kuning
6	Penulisan Resume (Kumpulan 1)
7	Penulisan Resume (Kumpulan 2)
8	Jahitan Manik Crumble
9	Online Business & Digital Marketing (Siri 1)
10	Online Business & Digital Marketing (Siri 2)
11	Penghasilan Mee Kuning
12	Tarian Zapin
13	Asas Solekan
14	Lanskap Mini
15	Pengurusan Acara
16	Pengurusan Kewangan Peribadi Menurut Islam (Keberkatan Pendapatan)
17	Penyelenggaraan Komputer (Siri 1)
18	Penyelenggaraan Komputer (Siri 2)
19	Asas Perisian Komputer (Siri 1)
20	Asas Perisian Komputer (Siri 2)
21	E-Usahawan - Siri 1 (*Dibiayai Oleh Mdec)
22	E-Usahawan - Siri 2 (*Dibiayai Oleh Mdec)
23	Pemasangan Komputer
24	E-Usahawan (Kumpulan 1) - Siri 1
25	E-Usahawan (Kumpulan 1) - Siri 2
26	E-Usahawan (Kumpulan 2) - Siri 1
27	E-Usahawan (Kumpulan 2) - Siri 2
28	Jahitan Langsir (Roman Blind)
29	Occupational Safety And Health

-
- 30 Penyediaan Resume
 31 Autocad Spm
 32 Air Conditioning And Mechanical Verification-Siri 1
 33 Air Conditioning And Mechanical Verification-Siri 2
 34 Air Conditioning And Mechanical Verification-Siri 3
 35 Biskut Chocolate Chip
 36 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 1)
 37 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 2)
 38 E-Rezeki
 39 Pemasangan Komputer Dan Installasi Perisian
 40 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 3)
 41 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 4)
 42 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 5)
 43 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 6)
 44 E-Rezeki
 45 Penghasilan Pizza
 46 Penulisan Resume
 47 Perpaipan Domestik & Sanitari (Siri 7)
 48 Perpaipan Domestik & Sanitari (Siri 8)
 49 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 10)
 50 Elektrik & Perpaipan Domestik (Siri 9)
-

Jadual 4 Senarai Kursus PSH Melibatkan Kaum Cina dan India 2017

Bil	Nama Kursus
1	Cup Cake
2	Jahitan Langsir (Variasi Fleat)
3	Chef Cilik - Western Food
4	Autocad Lanjutan (Kumpulan 1)
5	Autocad Lanjutan (Kumpulan 2)
6	Microsoft Power Point
7	Mencipta Blog
8	Asas Pengaturcaraan Java (Beginner-Part 1)
9	Asas Pengaturcaraan Java (Beginner-Part 2)
10	Asas Android Menggunakan Mit App Inventor (Beginner - Part 1)
11	Asas Android Menggunakan Mit App Inventor (Beginner - Part 2)
12	Takoyaki
13	Pembuatan Dan Pembinaan Bangku Simen Fero

-
- 14 Persediaan Menghadapi Peperiksaan Upsr
 - 15 Perniagaan Online Dan Kewangan Perniagaan Kecil - Siri 1
 - 16 Perniagaan Online Dan Kewangan Perniagaan Kecil - Siri 2
 - 17 Perniagaan Online Dan Kewangan Perniagaan Kecil - Siri 3
 - 18 Motivasi Kepimpinan Pengawas
 - 19 Motivasi Kepimpinan Pengawas
 - 20 Terapi Awal Kanak-Kanak Pintar
 - 21 Pemasangan Komputer Dan Instalasi Perisian
 - 22 Pembuatan Puding Diraja
 - 23 Penampilan Diri
 - 24 E-Rezeki Siri 1
 - 25 Asas Pertukangan Perkayuan (Meja Pik Nik)
 - 26 E-Rezeki
 - 27 Bengkel Penulisan Resume (A)
 - 28 Asas Pemasangan Solar Renovation
 - 29 Jahitan Asas Pandu Puteri Tunas
 - 30 Autocad Siri 1
 - 31 Autocad Siri 2
 - 32 E-Rezeki Siri 4
 - 33 Hala Tuju Masa Depan
 - 34 Motivasi Pembangunan Diri
 - 35 Masakan Pizza
 - 36 Kursus Handmade Tray Cover
 - 37 Pembinaan Asas Konkrit
 - 38 Pembinaan Bangku Konkrit
 - 39 Tat Telur
 - 40 Diy - Bag From Old T-Shirt
 - 41 Movie Maker Siri 1
 - 42 Movie Maker Siri 2
 - 43 Mini Pizza
 - 44 Chocolate Chip Cookies
 - 45 Pretzel
 - 46 Kecantikan (Asas Solekan) Siri 1
 - 47 Kecantikan (Solekan Ke Majlis) Siri 2
 - 48 Diy T-Shirt Bag
 - 49 Jahitan Manik Crumble
-

Kursus PSH yang disertai Kaum Cina menunjukkan rangkuman antara pelbagai kluster. Keadaan ini menunjukkan berlakunya penerimaan khusus dari kaum Cina dan India terhadap kursus yang ditawarkan di peringkat Kolej Komuniti Bentong. Berdasarkan statistik pendaftaran kursus PSH (Fail PSH 2016-2017) menunjukkan penekanan kurang diberi terhadap kursus kemahiran berkait dengan kluster Kesenian dan Kebudayaan program industri dan sains keesihatan.

Kesimpulan

Kajian mendapati, penerimaan dan penglibatan komuniti dalam kursus berkaitan PSH meningkat serta relevan dikekalkan. Peningkatan bukan sahaja berlaku, bahkan turut mencapai aras minima pada penunjuk prestasi (Key Performance Index) sebagaimana yang ditetapkan pihak Jabatan Kolej Komuniti. Bagaimanapun, dalam meneliti penerimaan PSH dalam kalangan komuniti di Bentong, terdapat perbezaan ketara dalam data penglibatan peserta PSH berdasarkan kaum. Kajian ini mendapati kursus PSH yang disampaikan pada komuniti sesuai dengan komuniti kaum Melayu. Penglibatan kaum selain Melayu berada tahap rendah. Kajian mengusulkan supaya kajian tinjauan dilakukan terus pada komuniti untuk meneliti persepsi terhadap kewujudan kolej komuniti terutama dari kalangan kaum Cina dan India. Usulan ini akan membawa pada dapatan faktor dan kaedah mempertingkatkan penyampaian kursus PSH terhadap kaum Cina dan India.

Rujukan

- Amir Md Noor. 2014. Industry and community participation in lifelong learning and collaboration with service providers. *Ucapan International Seminar on Lifelong Learning*, Kuala Lumpur 25-26 Ogos.
- DR.01111989. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. 1989 1 Nov. Jil. 3. Bil. 38.
- DR.02111999. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 1999 2 Nov. Bil. 41.
- DR.03042001. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 2001, 3 April. Bil. 8.
- DR.03111999. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 1999, 3 Nov. Bil. 42.
- Fail Rekod Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Bentong 2016.
- Fail Rekod Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Bentong 2017.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
- Mohd Faizullah Mohamed, Badaruddin Ibrahim & Norlida Shaari. 2014. Tinjauan terhadap keberkesanannya program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kertas Kerja Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET) kali ke-4*.
- Mohd Ismail Abd Aziz. 2018. Amanat Ketua Pengarah Tahun Baru 2018. *Ucapan Amanat Tahun Baharu*, Politeknik Negeri Sembilan 12 Januari.
- Razzian Mat Razali, Rasmuna Hussain & Ahmad Khairunizam Zulkifli. 2017. Laporan kajian persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan dan fungsi kolej komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning* 1(1): 86-99.